

11 MAR 1997

JANGAN BUAT KESIMPULAN MENGENAI PENGURUSAN BARU HICOM, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menasihati para pelabur supaya jangan membuat sebarang kesimpulan mengenai pengurusan baru kumpulan syarikat DRB-Hicom yang diketuai oleh Datuk Mohd Saleh Sulong.

"Anda perlu tunggu...anda tidak boleh membuat kesimpulan dalam satu hari," kata Anwar, yang juga menteri kewangan, berkata bila ditanya oleh pemberita sama ada kejatuhan harga saham syarikat-syarikat di bawah kumpulan itu membayangkan kurang keyakinan terhadap pengurusan baru itu.

Kaunter-kaunter berkenaan ialah DRB, Hicom, Proton, EON, Gadek, Gadek Capital, Kedah Cement, Golden Pharos dan Eastern Pacific Industrial Corporation (EPIC) yang, secara terkumpul, menyumbang 10 peratus kepada ukuran tanda aras indeks komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Semua kaunter itu digantung atas permintaan Selasa lepas berikutan kematian pengerusi syarikat Allahyarham Tan Sri Yahaya Ahmad pada Isnin, saham syarikat-syarikat itu turun enam dan 50 sen bila disebut semula semalam.

Anwar berkata demikian selepas menghadiri taklimat oleh perdana menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC) dan masalah sosial kepada para pemimpin Barisan Nasional termasuk anggota Parlimen dan dewan undangan negeri di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Pada tengah hari ini, kesembilan-sembilan kaunter berkaitan DRB-Hicom kelihatan bangkit dalam pasaran yang meningkat, dengan seorang penganalisis meramalkan bahawa mereka akan pulih sepenuhnya dalam beberapa hari lagi.

Pada pukul 3.20 petang di BSKL, daripada sembilan kaunter itu, empat naik, dua diniagakan tidak berubah dan tiga turun sedikit.

EPIC naik lapan sen kepada RM4.50 dengan 8,000 saham bertukar tangan, EON naik 45 sen kepada RM25.25 membabitkan 26,000 saham, Proton naik 40 sen kepada RM16.00 selepas 502,000 saham diurus niagakan, dan Kedah Cement naik lapan sen kepada RM2.35 dengan 430,000 saham diniagakan.

Gadek Capital dan Golden Pharos masing-masing kekal pada RM6.30 dan RM4.78. Gadek Capital menyaksikan 45,000 saham bertukar tangan dan Golden Pharos sebanyak 260,000.

Hicom turun 20 sen kepada RM6.60 membabitkan 1.934 juta saham, Gadek jatuh 10 sen kepada RM19.20 dengan 179,000 saham diniagakan, DRB turun lima sen kepada RM8.90 setelah 567,000 saham didagangkan.

Saleh, yang merupakan pengarah urusan kumpulan sebelum ini, menasihati para pelabur semalam supaya jangan menjual saham mereka dan jangan membiarkan sentimen negatif dalam pasaran mempengaruhi mereka untuk menjual. -- BERNAMA

AFY SIA